



**TERENGGANU DARUL IMAN**

**TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**Tr. P.U. 15/94**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT  
DAN PENDANDAN RAMBUT (MAJLIS DAERAH DUNGUN) 1994**

Tarikh penyiaran :

15 September 1994

Tarikh mula berkuatkuasa :

15 September 1994

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

Undang-undang kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

Undang-undang kecil 2. Tafsiran.

Undang-undang kecil 3. Lesen, bayaran dan pemeriksaan.

Undang-undang kecil 4. Kebersihan premis dan perkakas.

Undang-undang kecil 5. Bekalan air panas dan sejuk.

Undang-undang kecil 6. Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred.

Undang-undang kecil 7. Kehendak-kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi oleh pendandan rambut.

Undang-undang kecil 8. Tuala muka yang bersih dan lain-lain untuk seorang pelanggan.

Undang-undang kecil 9. Sabun untuk cukuran.

Undang-undang kecil 10. Cawan cukuran.

Undang-undang kecil 11. Span tidak boleh digunakan.

Undang-undang kecil 12. Memberhentikan keluaran darah.

Undang-undang kecil 13. Penyakit-penyakit berjangkit atau menular.

Undang-undang kecil 14. Membasmikan kuman dari alat-alat.

Undang-undang kecil 15. Meludah.  
Undang-undang kecil 16. Binatang dilarang masuk.  
Undang-undang kecil 17. Larangan terhadap jualan makanan atau minuman.  
Undang-undang kecil 18. Tiada sekatan atau dinding.  
Undang-undang kecil 19. Pintu masuk hendaklah lut sinar.  
Undang-undang kecil 20. Berkelakuan tidak baik dan pelacur.  
Undang-undang kecil 21. Masa buka kedai gunting.  
Undang-undang kecil 22. Kuasa merampas, mengalih dan melupus.  
Undang-undang kecil 23. Salinan undang-undang kecil hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut.  
Undang-undang kecil 24. Penalti.

JADUAL

## Mukadimah

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Dungun dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

### 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Dungun) 1994** dan hendaklah dipakai untuk kawasan Majlis Daerah Dungun sahaja.

### 2. Tafsiran.

Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –

“dandan rambut” termasuk potong rambut, kerinting rambut, potong-kemas, mencelup, mencukur, mensyampu dan tiap-tiap kerja seumpama itu yang biasanya dilakukan oleh seorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, dengan alat, dengan elektrik atau menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

“kedai gunting rambut” termasuk sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau di atasnya urusan dandanan rambut dijalankan;

“larutan disinfektan” ertinya larutan apa-apa disinfektan yang sama kekuatan racun kumannya dengan 5 peratus larutan asid karbolik;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Dungun;

“pemandan rambut” termasuk seorang penggunting rambut dan jika orang itu menjalankan kerja berkaitan dengan dandanan rambut dalam kedai gunting rambut seorang pekerja pendandan rambut;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

### **3. Lesen, bayaran dan pemeriksaan.**

(1) Tiada mana-mana premis boleh digunakan sebagai kedai gunting rambut melainkan jika premis itu dilesenkan oleh Majlis.

(2) Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal, hendaklah berkuatkuasa sehingga 31 Disember berikutan dari tarikh bermulanya lesen itu, tetapi boleh diperbaharui pada atau sebelum 31 Disember tiap-tiap tahun.

(3) Tiap-tiap orang yang berkehendakkan lesen atau pembaharuan lesen hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Majlis.

(4) Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah menurut skel sebagaimana ditetapkan dalam Jadual.

(5) Jika sesiapa telah memulakan perniagaan sebelum lesen diluluskan, suatu fee tidak melebihi sepuluh kali ganda fee lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual ini akan dikenakan selain daripada fee lesen biasa yang dikenalkan di bawah undang-undang kecil ini.

(6) Majlis hendaklah menyimpan suatu daftar semua permohonan yang dibuat perenggan (3) undang-undang kecil ini.

(7) (i) Dalam masa sesuatu lesen itu masih berkuatkuasa Majlis boleh, di atas permohonan pemegang lesen itu, membenarkan supaya lesen itu dipindahmilik kepada seorang lain.

(ii) Fee untuk dipindahmilik suatu lesen, adalah dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang dinyatakan dalam Jadual.

(8) Tiap-tiap pendandan rambut yang menjalankan perniagaan atau urusan pendandan rambut atau menjaga atau diambil bekerja di premis di mana urusan tersebut dijalankan hendaklah membenarkan Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya olehnya memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah tanpa notis dan memeriksa mana-mana bahagian premis itu dan tiada sesiapa pun boleh menghalang atau membenarkan orang itu dihalang daripada membuat pemeriksaan itu.

### **4. Kebersihan premis dan perkakas.**

Premis tiap-tiap kedai gunting rambut, perkakas-perkakas perabot dan alat-alatnya hendaklah pada setiap masa diselenggara di dalam keadaan baik dan berada di dalam keadaan yang sungguh bersih.

## **5. Bekalan air panas dan sejuk.**

Bekalan air panas dan sejuk yang mencukupi hendaklah diadakan terus-menerus di tiap-tiap kedai gunting rambut semasa dibuka untuk urusan.

## **6. Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred.**

Hendaklah diadakan di tiap-tiap kedai gunting rambut sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang bertudung rapat, yang ke dalam satu daripadanya hendaklah dimasukkan semua tuala kotor dan kain kotor lain selepas sahaja digunakan dan ke dalam yang satu lagi hendaklah dimasukkan semua keratin rambut dan lain-lain buangan tred dengan seberapa segera yang praktik selepas melayan seseorang pelanggan.

## **7. Kehendak-kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi oleh pendandan rambut.**

(1) Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah mencuci tangannya dengan sesungguhnya, dengan menggunakan sabun dan air bersih, dan bila perlu menggunakan berus kuku untuk maksud ini.

(2) Semasa melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut hendaklah memakai kot atau overall yang bersih dan padan yang berwarna putih atau berwarna lembut diperbuat dari kain yang boleh dibasuh.

(3) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setahun sekali.

## **8. Tuala muka yang bersih dan lain-lain untuk seorang pelanggan.**

(1) Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain yang secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan hendaklah diadakan yang bersih dan yang baru untuk setiap pelanggan.

(2) Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya lima minit dan kemudiannya dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.

## **9. Sabun untuk cukuran.**

Tiada apa-apa sabun melainkan sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk cukuran boleh digunakan bagi maksud mengeluarkan buih bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.

## **10. Cawan cukuran.**

Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi mengeluarkan buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan selepas sahaja digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci dengan sepenuhnya dengan air mendidih.

## **11. Span tidak boleh digunakan.**

(1) Span atau puff bedak tidak boleh digunakan ke atas pelanggan.

## **12. Memberhentikan keluaran darah.**

Keluaran darah hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu stiptik yang sesuai yang hendaklah ke atas seorang pelanggan sahaja dan hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

## **13. Penyakit-penyakit berjangkit atau menular.**

(1) Mana-mana orang yang mengidap penyakit berjangkit atau menular, atau apa-apa ruam atau letusan berjangkit atau menular di muka, leher atau kulit kepala, hendaklah memberitahu pendandan rambut tentang adanya penyakit, ruam atau letusan itu sebelum dia membiarkan kerja mendandan rambut dijalankan ke atas dirinya.

(2) Tiap-tiap pendandan rambut, apabila diberitahu sedemikian atau dengan sendirinya mengetahui bahawa seseorang itu mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular hendaklah, semasa melayan orang itu, menggunakan alat-alat yang berasingan yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang-orang itu. Alat-alat itu hendaklah selepas

sahaja digunakan direndam dalam suatu larutan disinfektan selama sekurang-kurangnya lima minit. Semua tuala, kain atau fabrik lain yang digunakan ke atas orang itu atau kot atau overall yang dipakai oleh pendandan rambut itu hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam suatu larutan disinfektan atau dalam air mendidih selama sekurang-kirangnya sepuluh minit.

(3) Seseorang pendandan rambut yang mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular tidak boleh melayan mana-mana pelanggan.

#### **14. Membasmi kuman dari alat-alat.**

(1) Tiap-tiap pendandan rambut hendaklah menyebabkan supaya semua kelengkapan bagi kegunaan am yang ternyata di bawah ini dibasmikan kuman mengikut cara yang ditetapkan atau sebagai ganti dengan cara pembasmian kuman yang berkesan melalui diangan lampu ungu yang diluluskan oleh Majlis.

- (a) pisau cukur, gunting dan sikat – rendamkan selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan.
- (b) Perepang (clipper) – dengan mula-mulanya memberus sepenuhnya gigi-giginya dengan suatu berus yang bersih dari kuman untuk membuang semua rambut yang kemudiannya mengesat gigi-gigi itu dengan kain yang telah direndam dalam larutan disinfektan.
- (c) Berus rambut – dengan merendamkan bahagian bulu atau bulu keras selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan kemudian keringkan berus itu dalam ruang udara panas.
- (d) Berus cukur – apabila suatu berus baru hendaklah digunakan, rendamkan bahagian bulu keras dalam sepuluh peratus larutan formalin selama sekurang-kurangnya tiga puluh minit dan selepas itu bilas dalam air bersih. Apabila hendak digunakan lagi kemudiannya, rendamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya tiga minit tetapi jika bulu keras itu diperbuat daripada apa-apa bahan sintetik, memadai membasuhnya dengan sabun dan air.

(2) Semua kelengkapan yang tersebut dala perenggan (1) hendaklah dibasmikan kuman mengikut cara yang dinyatakan di atas sebelum digunakan tiap-tiap hari dan selepas sahaja digunakan ke atas tiap-tiap pelanggan.

#### **15. Meludah.**

Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai atau dinding kedai gunting rambut.

#### **16. Binatang dilarang masuk.**

Tiada seorang pun pendandan rambut boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa binatang masuk atau berada dalam kedai gunting rambut.

#### **17. Larangan terhadap jualan makanan atau minuman.**

Tiada makanan atau minuman boleh dipamerkan atau dijual atau dipamer untuk tujuan dijual kepada mana-mana pelanggan dalam mana-mana kedai gunting rambut.

#### **18. Tiada sekatan atau dinding.**

Tiada sekatan atau dinding pemisah boleh dibina antara suatu kerusi gunting dengan kerusi gunting yang lain.

#### **19. Pintu masuk hendaklah lut sinar.**

Pintu hadapan kedai gunting rambut mestilah dibuat dari bahan yang lut sinar dan tiada langsir atau lain-lain bahan boleh digunakan bagi maksud menghalang mana-mana orang daripada melihat dengan jelas ke dalam kedai itu.

#### **20. Berkelakuan tidak baik dan pelacur.**

Tiada sesiapa jua yang diketahui sebagai berkelakuan tidak baik atau pelacur boleh berada di dalam kedai gunting yang berlesen.



## **21. Masa buka kedai gunting.**

Mana-mana kedai gunting tidak boleh dibuka kepada awam sebelum pukul 8.00 pagi atau terus dibuka selepas 11.30 malam.

## **22. Kuasa merampas, mengalih dan melupus.**

(1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis, boleh merampas dan mengalih apa-apa benda yang berkaitan yang terdapat di dalam atau di luar kawasan kedai gunting rambut yang menjalankan perniagaan tanpa lesen atau menyalahi mana-mana peruntukan dalam undang-undang kecil ini.

(2) Benda-benda yang dirampas dan dialih sedemikian boleh ditahan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis atas tanggungan pemunya. Pemunya benda-benda itu boleh dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh rampasan dan pengalihan itu, menuntut milik benda itu daripada Majlis, setelah dibayar kepada Majlis belanja mengalih dan menjaga benda itu.

(3) Majlis dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh rampasan dan pengalihan benda itu, sekiranya tiada tuntutan terhadap milik dibuat oleh pemunya, boleh melupuskan benda-benda itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Majlis.

## **23. Salinan undang-undang kecil hendaklah dipamerkan dalam kedai gunting rambut.**

Suatu salinan undang-undang kecil ini yang diletakkan dalam bingkai yang sesuai, hendaklah pada setiap masa di pameran dengan cara yang mudah dilihat dalam tiap-tiap kedai gunting rambut dan hendaklah sentiasa dijaga oleh pemegang lesen, pengurus atau orang yang bertugas, dalam keadaan bersih, boleh dilihat dan boleh dibaca.

## **24. Penalti.**

Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan oleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda dan

penjara itu kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kealahan itu berterusan selepas sabitan.

## JADUAL

[Undang-undang kecil 3 (4)]

### FEE LESEN

(a) Tidak melebihi 3 buah kerusi penggungting rambut .....	RM 15.00
(b) Melebihi 4 tetapi tidak melebihi 6 kerusi penggungting rambut	RM 30.00
(c) Melebihi 7 tetapi tidak melebihi 15 kerusi penggungting rambut.	RM 100.00
(d) Melebihi 15 tetapi tidak melebihi 20 kerusi penggungting rambut.	RM 200.00
(e) Melebihi 20 kerusi penggungting rambut.	RM 300.00

Diperbuat oleh Majlis Daerah Dungun dalam mesyuaratnya pada 30 haribuklan Jun, 1993.

[MDD. 027/23]

HAJI HARUN BIN ALI  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Dungun.*

Disahkan oleh Pihak Berkusa Negeri dalam mesyuaratnya pada 3 haribulan Ogos, 1994.

[SUK. TR. 1200/355/1; PUN. TR. (S) 85/3/5]

OSMAN BIN MUDA  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu.*